



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Kontrak Panel Berpusat**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PK 2.7</b>	<b>KONTRAK PANEL BERPUSAT .....</b>	<b>1</b>
<b>1.</b>	<b>Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat.....</b>	<b>1</b>
<b>1.1.</b>	<b>Pendahuluan .....</b>	<b>1</b>
<b>1.2.</b>	<b>Senarai Item Dan Syarikat Di Bawah KPB .....</b>	<b>1</b>
<b>1.3.</b>	<b>Tatacara Pelaksanaan Perolehan Item KPB .....</b>	<b>2</b>
<b>1.4.</b>	<b>Tanggungjawab Agensi.....</b>	<b>5</b>
<b>1.5.</b>	<b>Tanggungjawab Pegawai Pengawal.....</b>	<b>6</b>
<b>2.</b>	<b>Tarikh Kuat Kuasa .....</b>	<b>6</b>
<b>3.</b>	<b>Pertanyaan .....</b>	<b>7</b>

## SENARAI LAMPIRAN

- |                   |          |   |
|-------------------|----------|---|
| <b>Lampiran 1</b> | <b>:</b> | <b>Penentuan Syarikat Panel Bagi Kontrak Panel Berpusat (KPB) Secara <i>Multi-Use List</i> (MUL)</b>                            |
| <b>Lampiran 2</b> | <b>:</b> | <b>Perolehan Perabot Pelbagai Jenis Melalui Kontrak Panel Berpusat (KPB) Oleh Semua Agensi Kerajaan Di Semenanjung Malaysia</b> |
| <b>Lampiran 3</b> | <b>:</b> | <b>Kontrak Panel Berpusat Bagi Perolehan Ayam Daging Kepada Agensi Kerajaan Di Semenanjung Malaysia</b>                         |

## PK 2.7 KONTRAK PANEL BERPUSAT

### 1. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat

#### 1.1. Pendahuluan

- (i) Kontrak Panel Berpusat (KPB) bermaksud kontrak antara Agensi dengan syarikat panel yang disenaraikan oleh Kementerian Kewangan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan guna sama untuk sesuatu tempoh tertentu. Agensi hendaklah memperoleh bekalan/perkhidmatan daripada syarikat panel mengikut spesifikasi/keperluan masing-masing melalui kaedah perolehan yang ditetapkan. Harga adalah berdasarkan harga tawaran syarikat panel yang dilantik.
- (ii) Senarai item dan syarikat panel KPB yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan adalah terpakai untuk perolehan Agensi di Semenanjung Malaysia sahaja.
- (iii) Kementerian Kewangan berhak untuk mengemas kini senarai item dan syarikat panel KPB mengikut keperluan.
- (iv) Di bawah FTA, pelaksanaan KPB bagi item sedia ada akan terus berkuat kuasa mengikut tempoh kontrak sedia ada. Walau bagaimanapun, senarai panel baharu bagi KPB yang berkuat kuasa dan KPB baharu akan ditentukan secara *Multi-Use List* (MUL) iaitu seperti di **Lampiran 1**.

#### 1.2. Senarai Item Dan Syarikat Di Bawah KPB

- (i) Pelaksanaan KPB adalah berasaskan penjimatan di dalam Perolehan Kerajaan dengan berpandukan kepada lima (5) prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, ketelusan, persaingan terbuka, nilai faedah terbaik dan adil dan saksama termasuk dasar-dasar semasa Kerajaan.
- (ii) Senarai item KPB yang berkuat kuasa adalah di **Jadual 1** dan **Jadual 2** seperti berikut:

Jadual 1

Bil.	Item	Tempoh Kontrak	Rujukan	Senarai Syarikat Panel	Spesifikasi
1.	Perabot Berasaskan Kayu	1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2022	Lampiran 2	Lampiran 2A	Tiada
2.	Perabot Jenis <i>Polypropylene</i>				
3.	Perabot Logam				
4.	Katil Besi Setingkat dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit)				
5.	Perabot Pejabat Kerusi Berasaskan Kain				

Jadual 2

Bil.	Item	Tempoh Kontrak	Rujukan	Syarikat Panel	Spesifikasi
1.	Ayam	1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2024	Lampiran 3	Lampiran 3A	Lampiran 3B

- (iii) Maklumat syarikat panel KPBB di **Lampiran 2A** dan **Lampiran 3A** akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Oleh itu, Agensi hendaklah sentiasa menyemak maklumat terkini senarai item dan syarikat panel KPBB di dalam pekeling yang berkuat kuasa sebelum melaksanakan perolehan.

### 1.3. Tatacara Pelaksanaan Perolehan Item KPBB

- (i) Agensi hendaklah melaksanakan perolehan item KPBB di kalangan syarikat panel dengan mengambil kira perkara seperti berikut:
- a. Perancangan Perolehan Item KPBB

- (i) Agensi hendaklah menetapkan spesifikasi mengikut keperluan sebelum pelawaan dibuat bagi mana-mana item yang tidak ditetapkan spesifikasi.
- (ii) Tempoh kontrak yang ingin diikat dengan syarikat panel KPB hendaklah tidak melebihi tempoh kontrak seperti di Perenggan 1.2 di atas.
- (iii) Pendaftaran syarikat panel dengan Kementerian Kewangan adalah masih sah dan syarikat bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tata tertib/tindakan mahkamah.

b. Kajian Pasaran

Kajian pasaran yang berpatutan hendaklah dibuat di kalangan syarikat panel KPB supaya perolehan yang hendak dilaksanakan adalah paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.

c. Kaedah Dan Had Nilai Perolehan Item KPB

Kaedah dan had nilai perolehan yang ditetapkan bagi item KPB adalah seperti berikut:

- (i) Perolehan bagi item KPB di **Jadual 1** hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi di kalangan syarikat panel yang disenaraikan dengan mematuhi tatacara perolehan di **Jadual 4** seperti berikut:

**Jadual 4**

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai Perolehan</b>	<b>Kaedah Perolehan</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus (mengikut had nilai perolehan yang dibenarkan)</b>
1.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana syarikat panel	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel	Lembaga Perolehan Agensi

- (ii) Perolehan bagi item KPB di **Jadual 2** hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi dengan syarikat panel tunggal yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dengan mematuhi tatacara perolehan di **Jadual 5**. Agensi adalah dikecualikan daripada tatacara rundingan harga bagi perolehan yang melebihi RM50,000. Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah merundingkan terma kontrak dan/atau syarat penghantaran dengan syarikat panel tunggal mengikut keperluan Agensi sebelum perolehan dimuktamadkan.

**Jadual 5**

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai Perolehan</b>	<b>Kaedah Perolehan</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus (mengikut had nilai perolehan yang dibenarkan)</b>
1.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan syarikat panel tunggal	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Rundingan terus dengan syarikat panel tunggal	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak		Lembaga Perolehan Agensi

d. Kontrak Formal

Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM500,000 atau kontrak bermasa tanpa mengira had nilai selaras dengan PK4.2. Bagi perolehan di bawah RM500,000 pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan kepada syarikat.

e. Laporan Penyata Pesanan

Syarikat panel KPB hendaklah mengemukakan Laporan Penyata Pesanan dan Pembekalan seperti format yang ditetapkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan bagi setiap suku tahun.

f. Aduan Mengenai Pembekal/Syarikat Panel

Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat panel KPB yang kurang memuaskan seperti kelewatan penghantaran dan isu kualiti item KPB ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadakan.

g. Penggunaan KPB

Semua Agensi hendaklah menggunakan KPB sepenuhnya dan tidak dibenarkan mendapatkan bekalan/perkhidmatan item KPB daripada punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut yang mana berkenaan sebelum melaksanakan perolehan berkenaan.

#### **1.4. Tanggungjawab Agensi**

- (i) Bagi mana-mana kontrak yang diwujudkan dengan syarikat panel KPB di peringkat Agensi, Agensi hendaklah melaksanakan pentadbiran kontrak seperti berikut:

- a. Agensi hendaklah memastikan pendaftaran syarikat panel KPB dengan Kementerian Kewangan adalah sah berkuatkuasa di sepanjang tempoh kontrak dan syarikat bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib/tindakan mahkamah.
- b. Agensi hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya terlebih dahulu berdasarkan terma/syarat perjanjian yang telah ditandatangani terhadap ketidakpatuhan syarikat panel KPB kepada obligasi kontrak dan diputuskan mengikut peraturan semasa berkaitan pengurusan isu pentadbiran/pertikaian kontrak. Seterusnya, Agensi perlu melaporkan kepada Kementerian Kewangan berkenaan pengesyoran tatatertib (jika ada) seperti yang dijelaskan dalam PP/PK 8 – Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan. Borang aduan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
(Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel)  
Aras 3, Blok Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA

### **1.5. Tanggungjawab Pegawai Pengawal**

Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan Agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan dan tatacara kewangan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini.

## **2. Tarikh Kuat Kuasa**

Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.



### 3. **Pertanyaan**

Sebarang pertanyaan mengenai pekeling ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui emel [kontrakpusat@treasury.gov.my](mailto:kontrakpusat@treasury.gov.my) dan/atau ke alamat seperti berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
(Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel)  
Aras 3, Blok Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA

# LAMPIRAN

**Lampiran 1****PENENTUAN SYARIKAT PANEL BAGI KONTRAK PANEL BERPUSAT (KPB)  
SECARA *MULTI-USE LIST* (MUL)****1. Pendahuluan**

- 1.1. *Multi-Use List* (MUL) adalah senarai syarikat yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan kriteria kelayakan awal yang ditetapkan dan mempunyai keupayaan/kapasiti khusus untuk melaksanakan bekalan/perkhidmatan item tertentu di mana harga dan spesifikasi item tidak ditetapkan.
- 1.2. Senarai syarikat MUL dikemaskini secara tahunan atau mengikut keperluan di mana Kementerian Kewangan tidak mempunyai sebarang ikatan kontrak atau hubungan undang-undang antara syarikat di dalam MUL.
- 1.3. Senarai syarikat MUL boleh digunakan lebih daripada sekali oleh Agensi yang membuat perolehan item berkenaan dan syarikat di dalam MUL hendaklah memenuhi kriteria penilaian lain yang ditetapkan oleh Agensi semasa proses perolehan item dilaksanakan.

**2. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat secara MUL**

- 2.1. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat (KPB) secara MUL melibatkan dua (2) peringkat utama, iaitu seperti berikut:
  - (i) Peringkat 1 – Proses Penentuan Syarikat untuk Penyertaan MUL; dan
  - (ii) Peringkat 2 – Perolehan Item oleh Agensi dan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan.
- 2.2. Peringkat 1 – Proses Penentuan Syarikat Untuk Penyertaan MUL
  - (i) Pelaksanaan KPB secara MUL adalah melibatkan perancangan dalam aspek sama ada item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan tertakluk di bawah Perjanjian FTA atau tidak.

- (ii) Seterusnya, iklan pelawaan bagi penyertaan MUL ditentukan seperti berikut:
  - a. Sekiranya item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan adalah tidak tertakluk di bawah Perjanjian FTA, pelawaan perlu dibuat di kalangan syarikat tempatan sahaja; dan
  - b. Sekiranya item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan adalah tertakluk di bawah Perjanjian FTA, pelawaan perlu dibuat di kalangan syarikat tempatan dan daripada negara Perjanjian FTA.
- (iii) Iklan bagi penyertaan MUL akan dipelawa secara tahunan melalui portal MyPROCUREMENT ([www.myprocurement.gov.my](http://www.myprocurement.gov.my)) dan mengandungi maklumat pengiklanan seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling yang berkuat kuasa.
- (iv) Dokumen pelawaan MUL yang disediakan akan mengandungi maklumat seperti perihal perolehan, syarat penyertaan, kaedah dan tempoh penilaian, kaedah pembaharuan atau penamatan syarikat serta tarikh akhir permohonan pelawaan syarikat.
- (v) Pemilihan senarai syarikat MUL adalah berdasarkan penilaian bagi menentukan syarikat yang menepati kriteria yang ditetapkan.
- (vi) Setelah senarai syarikat MUL dimuktamadkan, semua syarikat yang telah memohon untuk menyertai MUL akan dimaklumkan secara bertulis dengan kadar segera.
- (vii) Syarikat akan dimaklumkan dan sekiranya diminta, justifikasi secara bertulis akan diberikan bagi keputusan seperti berikut:
  - a. syarikat tidak berjaya untuk disenaraikan ke dalam MUL;
  - b. syarikat tidak layak untuk dikekalkan dalam MUL; dan
  - c. syarikat dikeluarkan daripada MUL.
- (viii) Syarikat yang tidak tersenarai di dalam MUL juga dibenarkan untuk menyertai perolehan item semasa pelawaan perolehan item tersebut diiklankan. Bagi tujuan ini, syarikat perlu mengemukakan permohonan dan dokumen yang ditetapkan untuk menyertai MUL kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh iklan perolehan item tersebut. Seterusnya, Kementerian Kewangan akan menilai permohonan

tersebut dan memaklumkan keputusan kepada syarikat setelah hasil penilaian dimuktamadkan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

- (ix) Proses kerja dan carta aliran bagi proses penentuan syarikat untuk penyertaan MUL adalah seperti di **Lampiran 1A**.


### 2.3. Peringkat 2 – Perolehan Item oleh Agensi dan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan

- (i) Dalam merancang perolehan item bekalan/perkhidmatan di kalangan syarikat MUL, Agensi hendaklah terlebih dahulu mengenalpasti sama ada anggaran nilai perolehan bagi item berkenaan mencapai had nilai perolehan Perjanjian FTA atau tidak. Agensi hendaklah mematuhi pelaksanaan perolehan sama ada tertakluk kepada FTA atau tidak mengikut tatacara perolehan yang berkuat kuasa.
- (ii) Agensi hendaklah melaksanakan pelawaan perolehan di kalangan syarikat MUL tempatan sahaja sekiranya nilai perolehan tidak mencapai had nilai perolehan yang tertakluk FTA. Agensi yang tidak tertakluk kepada FTA boleh melaksanakan perolehan di kalangan syarikat MUL tempatan sahaja.
- (iii) Agensi hendaklah melaksanakan pelawaan perolehan di kalangan syarikat MUL tempatan dan negara Perjanjian FTA jika mencapai had nilai perolehan yang tertakluk FTA.
- (iv) Agensi hendaklah memastikan iklan bagi pelawaan perolehan item bekalan/perkhidmatan yang dibuat mengandungi maklumat pengiklanan seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling yang berkuat kuasa.
- (v) Setelah Agensi memuktamadkan syarikat yang dilantik, Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat dengan menyatakan secara jelas nilai kontrak, tempoh kontrak, kadar harga dan spesifikasi item serta terma dan syarat bekalan/perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang dilantik.
- (vi) Agensi perlu menetapkan nilai Bon Pelaksanaan dengan syarikat berdasarkan anggaran nilai kontrak yang telah ditetapkan di dalam SST, mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.
- (vii) Setelah Agensi selesai melantik syarikat, Agensi hendaklah mewujudkan kontrak formal dengan syarikat berkenaan mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.

- (viii) Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM500,000 atau kontrak bermasa tanpa mengira had nilai selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.
- (ix) Agensi boleh membuat pembelian dengan syarikat yang dilantik bagi mendapatkan item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan. Semua pesanan hendaklah dibuat terus kepada syarikat yang dilantik melalui Pesanan Kerajaan mengikut keperluan. Agensi hendaklah memastikan semua pesanan dibuat dalam tempoh kontrak.
- (x) Pentadbiran terhadap kontrak yang diwujudkan dengan syarikat berkenaan hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.
- (xi) Proses kerja dan carta aliran bagi perolehan item oleh Agensi dan pelaksanaan bekalan/perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran 1B**.

**Lampiran 1A**


**Proses Kerja Dan Carta Aliran**  
**Peringkat 1**  
**Proses Penentuan Syarikat untuk Penyertaan MUL**




NOTA : [ ] - Perancangan pelaksanaan MUL

Lampiran 2A

**Proses Kerja Dan Carta Aliran**  
**Peringkat 2**  
**Perolehan Item oleh Agensi dan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan**







NOTA : [ ] - Perancangan pelaksanaan perolehan mengikut tatacara perolehan yang berkuat kuasa

**Lampiran 2****PEROLEHAN PERABOT PELBAGAI JENIS MELALUI KONTRAK PANEL BERPUSAT (KPB) OLEH SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA****1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Kementerian Kewangan telah bersetuju agar item perabot diperoleh melalui Kontrak Panel Berpusat (KPB) oleh semua Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia.
- 1.2 Pelanjutan tempoh KPB adalah selama satu (1) tahun enam (6) bulan iaitu mulai **1 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2022**. Selepas tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item ini daripada KPB.
- 1.3 Perabot bagi maksud KPB ini didefinisikan sebagai semua perabot mudah alih (*loose furniture*) baharu sahaja. Ia merangkumi perabot yang berasaskan kayu, kain/fabrik, logam dan plastik jenis *polypropylene* yang digunakan oleh Agensi Kerajaan sama ada di dalam atau di luar premis Kerajaan.
- 1.4 Sehubungan itu, semua perolehan perabot seperti yang didefinisikan di perenggan 1.3 adalah tertakluk di bawah pekeliling ini. Ia termasuk bagi tujuan pembelian aset baharu di bawah projek pembangunan, projek penyelenggaraan, projek menaik taraf, projek membaik pulih, projek pengubahsuaian dan pembelian secara *one-off*. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item perabot tersebut hanya di kalangan Syarikat Panel yang telah dilantik.

**2. AGENSI PENGAWAL SELIA KUALITI PERABOT**

- 2.1 Kementerian Kewangan telah melantik **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** selaku agensi yang mengawal selia (*regulator*) dan Badan Pensijilan & Pengujian kualiti produk perabot di bawah KPB.
- 2.2 Semua perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan dengan Syarikat Panel akan dipantau oleh FRIM bagi memastikan kualiti perabot yang dibekalkan memenuhi keperluan standard dan spesifikasi reka bentuk yang telah ditetapkan.
- 2.3 FRIM juga akan menguatkuasakan pensijilan **Product Certification Services (PCS)** ke atas semua pembekalan perabot oleh Syarikat Panel.
- 2.4 Semua pembekalan *loose furniture* kepada Agensi Kerajaan hendaklah memiliki pensijilan PCS daripada FRIM terlebih dahulu. Oleh itu, Agensi hendaklah membuat semakan terhadap pengesahan kualiti produk daripada FRIM sebelum perolehan dilaksanakan. Setiap perabot yang dibekalkan akan mempunyai pelekat kualiti QR Code FRIM PCS.
- 2.5 Walau bagaimanapun, perolehan bagi item Perabot yang belum mendapat FRIM PCS boleh diteruskan melalui pelaksanaan program jangka pendek validasi dan verifikasi oleh FRIM dengan pemberian status "*fit for used at minimum requirement*" (FFU) secara interim sebagai alternatif untuk memenuhi keperluan Agensi Kerajaan.

- 2.6 Sebarang maklumat mengenai pensijilan FRIM PCS dan Garis Panduan FFU boleh dirujuk di laman sesawang <http://pcs.frim.gov.my/>. Pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan Pensijilan Produk (PCS), FRIM di talian telefon 03-6279 7000/7372 atau emel [frimpcs@frim.gov.my](mailto:frimpcs@frim.gov.my).

### 3. PEROLEHAN PERABOT BAGI PROJEK PEMBANGUNAN

- 3.1 Semua perolehan *loose furniture* bagi projek pembangunan hendaklah dilaksanakan melalui KPB.

### 4. MAKLUMAT SYARIKAT KONTRAK PANEL BERPUSAT

Maklumat senarai Syarikat Panel mengikut kategori item adalah seperti di **Lampiran 2A**. Agensi hendaklah menyemak dari semasa ke semasa senarai Syarikat Panel bagi item perabot terkini yang dikemas kini di laman sesawang <http://ppp.treasury.gov.my/>.

### 5. KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN

- 5.1 Agensi hendaklah membuat pelawaan kepada Syarikat Panel yang dilantik dengan kod bidang **020199** sahaja. Penggunaan kod bidang selain daripada yang dinyatakan adalah tidak dibenarkan.
- 5.2 Tatacara perolehan KPB perabot yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Bil.	Had Nilai Perolehan	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
a.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana Syarikat Panel	Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
b.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan Syarikat Panel	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
c.	Melebihi RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan Syarikat Panel	Lembaga Perolehan Agensi

- 5.3 Bagi perolehan perabot berasaskan kayu, Agensi hendaklah melaksanakan perolehan perabot mengikut zon yang ditetapkan seperti di **Lampiran 2A** dengan menggunakan kaedah dan had nilai perolehan seperti jadual di perenggan 5.2.
- 5.4 Kajian pasaran hendaklah dibuat di kalangan Syarikat Panel bagi perolehan secara pembelian terus supaya agensi mendapat tawaran yang paling munasabah dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.
- 5.5 Agensi disarankan supaya tidak tertumpu kepada satu-satu Syarikat Panel sahaja bagi perolehan secara pembelian terus seperti di perenggan 5.4.

- 5.6 Agensi hendaklah memastikan perolehan perabot dibuat dengan Syarikat Panel yang bersesuaian dengan item perabot yang hendak diperoleh. Contohnya, perolehan item perabot berasaskan kayu hanya boleh dibuat dengan Syarikat Panel pembuat perabot berasaskan kayu sahaja (020199 : Pembuat Perabot Berasaskan Kayu).
- 5.7 Walau bagaimanapun, bagi perolehan yang melibatkan pelbagai jenis item (contoh: kayu, logam dan fabrik) yang bernilai sehingga RM20,000, pembekalan item daripada pihak ketiga (*subcontracting*) di kalangan Syarikat Panel adalah dibenarkan dengan mengambil kira item yang mendominasi sesuatu perolehan.

Contoh:

Nilai Perolehan	= RM20,000
Nilai Perabot Kayu	= RM13,000
Nilai Perabot Logam	= RM5,000
Nilai Perabot Fabrik	= RM2,000

Di dalam situasi seperti ini, Agensi hendaklah melaksanakan pembelian terus dengan Syarikat Panel perabot kayu yang telah disenaraikan dan syarikat tersebut boleh melantik pihak ketiga (*subcontracting*) daripada senarai Syarikat Panel yang lain bagi item logam dan fabrik.

- 5.8 Perkara di perenggan 5.7 adalah tidak terpakai bagi perolehan yang bernilai melebihi RM20,000.

## 6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 6.1 Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan Agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan perabot ini. Agensi tidak dibenarkan memperoleh perabot daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.
- 6.2 Sebarang pengecualian hendaklah dipohon oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bagi mendapatkan pertimbangan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui sistem *Electronic Government Procurement Application* (eGPA) atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

## 7. KONTRAK FORMAL

Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi perolehan bukan bermasa yang bernilai melebihi RM500,000 dan semua perolehan bermasa. Perolehan bukan bermasa bernilai di bawah RM 500,000 dikecualikan kontrak formal selaras dengan PK 4.2.

## 8. TEMPOH PENYERAHAN/PENGHANTARAN

Agensi hendaklah menetapkan tempoh penyerahan perabot mengikut kesesuaian perolehan yang dibuat.

## 9. HAK AGENSI JIKA BEKALAN TIDAK MENGIKUT KONTRAK

9.1 Sekiranya syarikat panel lewat membuat penyerahan perabot mengikut tempoh masa yang ditetapkan, Agensi boleh:

- i. Menerima perabot tersebut dan syarikat panel dikenakan denda lewat bekal berdasarkan formula berikut:

$$\frac{V(T + D)}{T} \times 5\%$$

V: Nilai Pesanan Tempatan;  
 T: Tempoh bekalan mengikut Pesanan Kerajaan/kontrak dalam hari; dan  
 D: Bilangan hari yang lewat.

Contoh:

Nilai Pesanan Tempatan = RM10,000.00  
 Tempoh bekalan mengikut Pesanan Kerajaan/kontrak dalam hari = 14 hari  
 Bilangan hari lewat = 5 hari

Kaedah pengiraan:  
 =  $\frac{RM10,000.00 (14 + 5)}{14} \times 5\%$   
 = RM678.57

atau

- ii. Membatalkan pesanan perabot dan membeli perabot tersebut daripada syarikat panel lain. Dalam hal sedemikian, sekiranya Agensi terpaksa membeli daripada syarikat panel lain, perbezaan harga boleh dituntut daripada syarikat panel yang gagal membekal perabot; dan

- iii. Agensi hendaklah melaporkan serta-merta kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dengan menyertakan salinan Pesanan Kerajaan dan invois/bil yang terlibat.
- 9.2 Sekiranya perabot yang dibekalkan tidak mengikut Pesanan Kerajaan/kontrak (tidak mengikut spesifikasi, rosak atau bukan keluaran semasa/baharu), Agensi boleh:
- i. Menolak perabot tersebut dan meminta syarikat menggantikan dengan perabot yang baharu dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permintaan bertulis dibuat. Jika syarikat gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, Agensi boleh membeli perabot yang dikehendaki dengan pihak ketiga (di kalangan Syarikat Panel). Jika kos pembelian dengan pihak ketiga tersebut melebihi daripada harga yang ditetapkan, maka syarikat yang gagal mematuhi kontrak dikehendaki membayar lebihan amaun tersebut; atau
  - ii. Sekiranya Agensi tidak menolak perabot yang rosak/tidak menepati spesifikasi disebabkan ia telah dipakai/digunakan sebelum diketahui rosak/tidak menepati spesifikasi, maka Agensi bolehlah membuat tuntutan untuk mendapatkan ganti rugi daripada pihak syarikat yang bernilai setara dengan nilai perabot yang rosak/tidak menepati spesifikasi tersebut; atau
  - iii. Jika selepas perabot diserahkan, Agensi mendapati bahawa perabot tersebut bukan keluaran semasa atau keluaran baharu, maka Agensi boleh menolak perabot tersebut dan meminta syarikat untuk menggantikan dengan perabot yang baharu atau syarikat dikehendaki untuk membayar kepada Agensi ganti rugi yang bernilai setara dengan nilai perabot tersebut.

## 10. PEMERIKSAAN SEMASA MENERIMA BEKALAN

- 10.1 Agensi hendaklah memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa perabot yang dibekalkan itu adalah sama seperti yang dipesan. Jika terdapat kerosakan atau kekurangan, syarikat hendaklah diminta menggantikan jumlah perabot yang rosak atau kurang itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang tambahan kos.
- 10.2 Jika ada sebarang keraguan tentang kualiti, pihak Agensi boleh berhubung dengan pihak FRIM bagi menentukan kualiti perabot yang dibekalkan berbanding dengan spesifikasi yang telah ditetapkan mengikut perolehan yang dibuat oleh Agensi. Segala perbelanjaan ke atas ujian perabot oleh mana-mana Agensi yang terlibat akan ditanggung oleh syarikat jika ia melanggar terma dan syarat kontrak.
- 10.3 Penolakan bagi perabot yang tidak mengikut spesifikasi hendaklah dibuat secara bertulis dan disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

**11. TEMPOH JAMINAN PERABOT**

Tempoh jaminan perabot yang dibekalkan ialah selama **dua (2) tahun** daripada tarikh bekalan diterima. Jaminan ini adalah bagi kegunaan biasa (*normal usage*) dan sekiranya dalam tempoh tersebut perabot itu rosak bukan akibat kecuaiannya pengguna, syarikat hendaklah diminta mengganti atau memperbaikinya dengan percuma.

**12. HAL-HAL LAIN**

12.1 Agensi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

- i. Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Syarikat Panel adalah masih sah dan bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib/tindakan mahkamah;
- ii. Tempoh kontrak dengan syarikat hendaklah tidak melebihi seperti di Perenggan 1 di atas;
- iii. Sentiasa menyemak maklumat terkini senarai item dan senarai Syarikat Panel di laman sesawang <http://ppp.treasury.gov.my/>;
- iv. Menetapkan spesifikasi item mengikut keperluan sebelum pelawaan dibuat;
- v. Keluaran/produk Syarikat Panel hendaklah memenuhi keperluan spesifikasi dan kualiti;
- vi. Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM20,000, Syarikat Panel adalah dibenarkan untuk menyerahkan sepenuhnya atau sebahagian daripada skop pembuatan/pembekalan item kepada pihak ketiga (*subcontracting*) yang terdiri di kalangan Syarikat Panel yang dilantik; dan
- vii. Perkara di perenggan 12.1(vi) adalah tidak terpakai bagi perolehan yang bernilai melebihi RM20,000.

12.2 Agensi hendaklah memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati Syarikat Panel tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kementerian Kewangan boleh menggugurkan atau menarik balik pelantikan syarikat daripada KPB sekiranya gagal mematuhi perkara yang ditetapkan di perenggan 12.1(vi-vii).

12.3 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan PPP/WP2.1 - Peraturan dan Had Harga Perabot/Kelengkapan Bagi Pejabat Anggota-anggota Perkhidmatan Awam (Termasuk Anggota Polis Diraja Malaysia).

- 12.4 Program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneur* (PROTÉGÉ). Agensi hendaklah memastikan bahawa syarikat yang dilantik oleh Agensi melaksanakan program PROTÉGÉ sekiranya nilai perolehan telah mencapai nilai ambang (*threshold value*) dengan memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada nilai kontrak bagi melaksanakan program PROTÉGÉ. Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ. Agensi hendaklah merujuk pelaksanaan PROTÉGÉ di dalam PPP/PK1.2.
- 12.5 Agensi hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya terlebih dahulu berdasarkan perjanjian kontrak yang telah dipersetujui mengenai prestasi Syarikat Panel yang kurang memuaskan.
- 12.6 Sebarang tindakan yang diambil oleh Agensi hendaklah diputuskan di peringkat Pihak Berkuasa Melulus asal yang memutuskan perolehan tersebut dan melaporkan kepada Kementerian Kewangan pengesyoran tatatertib (jika ada) seperti yang dijelaskan dalam 1PP/PK8 - Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan. Borang aduan yang lengkap seperti di **Lampiran B** hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
Sektor Pengurusan Kontrak  
Aras 3, Blok Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA
- 12.7 Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3278/ 3231/ 4025 atau e-mel: [kontrakpusat@treasury.gov.my](mailto:kontrakpusat@treasury.gov.my).

### 13. **TARIKH KUAT KUASA**

- 13.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2021**.
- 13.2 Pindaan pada **29 November 2022**.



**LAMPIRAN 2A**

**SENARAI 76 SYARIKAT DI BAWAH KONTRAK PANEL BERPUSAT (KPB) BAGI  
BEKALAN DAN PENGHANTARAN PERABOT PELBAGAI JENIS KEPADA SEMUA  
AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**ITEM : PERABOT BERASASKAN KAYU**

<b>ZON UTARA</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
1.	KEDAH	GHAI ENTERPRISE  F-24, Kg. Pengkalan SE-meling Kuala Muda 08100 Bedong Kedah Darul Aman  No.Tel: 04-447 1077 No. Faks : 04-447 1077 E-Mel: mija@f24kitchen.com.my	Maybank Islamic  No. Akaun: 5520 5960 0601
2.	KEDAH	TERAS KREATIF SDN. BHD.  Kampong Baru, Batu 3 ½ , Jalan Changloon, 06100 Kodiang Kedah Darul Aman  No. Tel : 04-925 2321 No. Faks: 04-925 4315 E-mel : teraskreatif_939@yahoo.com	Public Islamic Bank  73, Jalan Sintok, Pekan Baru Changloon, 06010 Jitra Kedah  No. Akaun: 3983286032
3.	PULAU PINANG	HASHIM BAKAR SDN. BHD.  No. 1503, Jalan Dato' Haji Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas Seberang Perai Pulau Pinang  No. Tel : 04-575 4062 No. Faks: 04-575 2632 E-mel : <a href="mailto:hashimbakar@hotmail.com">hashimbakar@hotmail.com</a>	CIMB Bank Berhad  No.1 & 3, Jalan Usahawan 4 13200 Kepala Batas Seberang Perai Utara Pulau Pinang  No. Akaun: 80-0377929-6

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

<b>ZON UTARA</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
4.	PULAU PINANG	<p>MUTIARA WOODWORK INDUSTRIES SDN. BHD.</p> <p>Lot 1204, Mukim II Jalan Padang Lalang 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang</p> <p>No. Tel : 04-530 4670 No. Faks: 04 - 530 4670 E-mel : mutiarawoodwork@yahoo.com</p>	<p>CIMB Bank Berhad Cawangan Bukit Mertajam 70, Jalan Stesyen, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang</p> <p>No. Akaun: 8004125160</p>
5.	PULAU PINANG	<p>PUNCAK BUMI UTAMA SDN. BHD.</p> <p>S-4 &amp; S-10, Lorong Kendi 1 Jalan Kendi Kawasan Industri MARA 14100 Simpang Ampat, S.P.S Pulau Pinang</p> <p>No. Tel : 04-5883073 No. Faks: 04-5874540 E-mel : puncakbumi@yahoo.com</p>	<p>Public Bank Berhad Tingkat Bawah 6862-6864 Jalan Bagan Jermal Bagan Ajam, 13000 Butterworth Pulau Pinang</p> <p>No. Akaun: 3107882134</p>
6.	PULAU PINANG	<p>RABVOLKS HOMES SDN. BHD.</p> <p>No.48, Tingkat 1 Jalan Dagangan 2 Pusat Bandar Bertam Perdana 2 Seberang Perai Utara 13200 Kepala Batas Pulau Pinang</p> <p>No.Tel: 04-351 5179 No. Faks: 04-351 5179 E-mel: <a href="mailto:admin@rabvolks.com.my">admin@rabvolks.com.my</a></p>	<p>Public Bank Berhad (Islamic)</p> <p>No. Akaun: 3987723116</p>

Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot

<b>ZON UTARA</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
7.	PULAU PINANG	ZILANZA URUSNIAGA SDN. BHD.  Lot 386, Mukim 7 Jalan Paya Kemian 14300 Nibong Tebal Seberang Perai Selatan Pulau Pinang  No. Tel : 04- 593 5375/ 012-4406701 No. Faks: 04 - 593 9841 E-mel : manzusb@yahoo.com	Maybank Berhad 345-H, Bangunan Kelab Gelugur Jalan Sultan Azlan Shah 11700 Gelugur Pulau Pinang  No. Akaun: 557157-800162
8.	PERLIS	BIDIN BIN JASIN SDN. BHD.  Batu 2, Jalan Raja Syed Alwi 01000 Kangar Perlis  No. Tel : 04-976 1858/ 017-474 5740 No. Faks: 04-976 1858	Bank Muamalat Malaysia Berhad No.11 & 13, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis  No. Akaun: 0901-0001543-71-6
9.	PERLIS	MAZARUL ENTERPRISE SDN. BHD.  Lot 3778, Kampong Belat Raja Jalan Tambun Tualang 02600 Arau Perlis  No. Tel : 019-221 4836/ 04-986 0945 No. Faks: 04-986 0945 E-mel : mazarul11@yahoo.com	Bank Islam Malaysia Berhad Lot 49, 51 Lorong Seruling off Jalan Raja Syed Alwi P.O. BOX 01700 Kangar Perlis  No. Akaun: 09010010044262

Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot

<b>ZON UTARA</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
10.	KEDAH	ABM TWO SDN. BHD. No. 24-A, Kg Lengkuas 06200 Bukit Pinang, Alor Setar Kedah Darul Aman  No. Tel : 04-714 1489/ 012-473 8972/ 019-5788972 No. Faks: 04-714 4189 E-mel : abm2sdnbhd@gmail.com	Bank Muamalat Malaysia Berhad Souq Al-Bukhary Jalan Stadium Alor Setar, Kedah  No. Akaun: 02060000336716
11.	KEDAH	KONSORTIUM BEKAS TENTERA (UTARA) SDN. BHD. No. 2, Jalan Industri 11 Kawasan Perusahaan Ringan Desa Aman Sungai Lalang 08100 Sungai Petani KEDAH DARUL AMAN No. Tel : 04-441 1976 No. Faks: 04-441 2003 E-mel : kkbtm_57@yahoo.com	AmBank (M) Berhad Jalan Kg. Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah  No. Akaun: 015-201200134-2
12.	KEDAH	MABITA SDN. BHD. No. 177, Simpang Sekolah Menengah 08400 Merbok Kedah Darul Aman  No. Tel : 04-457 3300 No. Faks: 04-457 5300 E-mel : mabitasb@yahoo.com	Cimb Bank Berhad Jalan Kampung Baru 08000 Sg. Petani Kedah  No. Akaun: 8006446445

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

<b>ZON UTARA</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
13.	PERLIS	MOHD ABIDIN YAHYA (PERLIS) SDN. BHD.  W2020, Jalan Guar Ipoh Kubang Paya 02600 Arau Perlis  No. Tel : 04-986 5244/ 019-554 6363 No. Faks: 04-986 3760 E-mel : mayperlis10@gmail.com	CIMB Bank Berhad Cawangan Kangar No.44, Jalan Penjara 01000 Kangar, Perlis  No. Akaun: 8006329225
14.	PERLIS	PERNIAGAAN HUSSIN CHE LAD SDN. BHD.  No.193, KM 10, Batas Lintang 02700 Simpang Empat Perlis No. Tel : 04-980 5340/ 013-4807449 No. Faks: 04-980 5340 E-mel : phcl11@yahoo.com	CIMB Bank  No. Akaun: 8006361683

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

<b>ZON TENGAH</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
1.	SELANGOR	BPNP KONSORTIUM SDN. BHD.  No.21 & 21-1, Jalan Sentosa Kawasan Perindustrian Seri Cheeding 42700 Sungai Sedu, Banting Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-31914128/ 012-393 8734 No. Faks: 03-3191 5128  E-mel : enquiry@bnpkon.com.my	Public Bank Berhad Cawangan Taman Sri Muda Shah Alam Selangor  No. Akaun: 3124506425
2.	SELANGOR	CAMAR KREATIF SDN. BHD.  No. 92 & 93, Jalan Villaraya1/3A, Villaraya Industrial Park, Jalan Sungai Lalang 43500 Semenyih Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-8724 5235/6835 No. Faks: 03-8724 7348  E-mel : camar_cksb@yahoo.com	Bank Muamalat (M) Berhad Cawangan Taman Alam Damai Kuala Lumpur  No. Akaun: 14020000382711

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

ZON TENGAH			
BIL	NEGERI	NAMA SYARIKAT	PERINCIAN BANK
3.	SELANGOR	FAIR TOUCH SDN. BHD.  Lot 367, Batu 15, Jalan Klang-Banting, Jenjarom, 42600 Kuala Langat Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-3323 7344/ 019-345 3366 No. Faks: 03-3324 7446 E-mel : fairtouch_id@hotmail.com	CIMB Bank Berhad 54-56, Jalan J/112 No. Teluk Panglima Garang Selangor  No. Akaun: 80-0285703-1
4.	SELANGOR	IDEATION SDN. BHD.  No.2-43A, Jalan Prima SG2 Taman Prima Sri Gombak Batu Caves 68100 Gombak Selangor Darul Ehsan  No. Tel: 03-6188 8567/68 013-393 4844 No. Faks: 03-6188 8569 E-mel: <a href="mailto:ideationsb@yahoo.com">ideationsb@yahoo.com</a>	Maybank Berhad Sri Gombak 68100 Batu Caves Selangor  No. Akaun: 5624 0570 0488

Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot

<b>ZON TENGAH</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
5.	SELANGOR	<p>KILASAN VENTURES (M) SDN. BHD.</p> <p>Lot 1964, Batu 46 Kg. Sepakat 45600 Batang Berjuntai Selangor Darul Ehsan</p> <p>No. Tel : 03-3260 0443 No. Faks :03-3260 8034 E-mel: kilasanventure@yahoo.com.my</p>	<p>Public Bank Cawangan Kuala Selangor 1&amp;3, Jalan Raja Lumu 45000 Kuala Selangor Selangor</p> <p>No. Akaun : 3086802936</p>
6.	SELANGOR	<p>KNS CREATIVE SDN. BHD.</p> <p>No.2F-1, Jalan Raya 2 Kawasan Perindustrian Seri Kembangan HuLu Langat 43300 Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan</p> <p>No. Tel: 012-313 9755 No. Faks: 03-8946 7727 E-mel: knscreative@yahoo.com</p>	<p>Maybank Berhad Taman Seri Serdang</p> <p>No. Akaun: 5621 4271 0524</p>

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**



<b>ZON TENGAH</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
7.	SELANGOR	MERANTI MARSHAL SDN. BHD.  302A, B, Kompleks Diamond Bangi Business Park, Jalan Medan Bangi Off Persiaran Bandar 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-8926 3779/80 No. Faks: 03-8925 9379 E-mel : merantifurnitures@gmail.com	CIMB Islamic Bank Berhad Bandar Baru Bangi  No. Akaun: 8601957534
8.	SELANGOR	PERABOT MATANG SDN. BHD.  No. 1, Perkampungan Perabot Ulu Yam Bharu 44300 Batang Kali Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-6075 2301/02/03 No. Faks: 03-6075 2630 E-mel : pmatang@yahoo.com	Public Bank Berhad No.3, 4-5 Jalan PKC 1 Bandar Baru Batang Kali 44300 Hulu Selangor Selangor  No. Akaun: 3814220820
9.	SELANGOR	RAUDAH MARKETING & SUPPLIES SDN. BHD.  No.18, Jalan Kiambang 1A Pinggiran Tasik Kiambang 48200 Serendah Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 019-357 2719 019-278 7211 011-5509 7211 E-mel : raudahmarketingsb@gmail.com	CIMB Islamic Bank Berhad No. 25, Jalan Meranti 1A Bandar Utama Batang Kali 44300 Batang Kali, Selangor  No. Akaun: 8600720847

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

ZON TENGAH			
BIL	NEGERI	NAMA SYARIKAT	PERINCIAN BANK
10.	SELANGOR	REGAL BONUS (M) SDN. BHD.  No. 2, Jalan Anggerik Vanilla W 31/ W, Kota Kemuning Seksyen 31 40460 Shah Alam Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-5122 4982 019-222 5984 No. Faks: 03-5122 5982  E-mel : <a href="mailto:regalbonus1@gmail.com">regalbonus1@gmail.com</a>	Maybank Berhad  Lot 10, Persiaran Perbendaharaan 40000 Shah Alam, Selangor  No. Akaun: 512101-361056
11.	SELANGOR	TALNOOR ENTERPRISE SDN. BHD.  Lot 869-1, Zon Industri Sg. Sop Jalan Sg. Sop, Batu 14, 43100 Hulu Langat Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-9021 3535 No. Faks: 03-9021 3888 E-mel : mnoorah@talnoor.com info@talnoor.com	RHB Bank Berhad  Ground & Mezzanine Floor, 7 & 9, Jalan Pandan Indah 4/2 55100 Kuala Lumpur  No. Akaun: 21410100077320

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

<b>ZON TENGAH</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
12.	WILAYAH PERSEKUTUAN (KL)	<p>PROBIL INDUSTRIES (M) SDN. BHD.</p> <p>Bangunan Probil, No. 33, Jalan 57/10 Taman Koperasi Polis Fasa 2 68100 Kuala Lumpur</p> <p>No. Tel : 03-6187 8888 No. Faks: 03-6187 6788 E-mel : probil89@yahoo.com</p>	<p>CIMB Bank Berhad No. 2 &amp; 4, Jalan SG 1/2, Taman Seri Gombak, 68100 Batu Caves Selangor</p> <p>No. Akaun: 80-0255338-5</p>
13.	SELANGOR	<p>TIMBER DYNAMICS CORPORATION SDN. BHD.</p> <p>34-C, Tingkat 2, Jalan BRP 6/11 Bukit Rahman Putra 47000 Sungai Buloh Selangor Darul Ehsan</p> <p>No. Tel : 03-6156 5467 No. Faks: 03-6156 4467</p> <p>E-mel : tdc_timdyco@yahoo.com</p> <p>Kilang: No. 58, Jalan Kantan 2A Seksyen BB8 48300 Bukit Beruntung, Rawang Selangor Darul Ehsan</p>	<p>Malayan Banking (Maybank) Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur</p> <p>No. Akaun: 5142 7143 6514</p>

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

<b>ZON TENGAH</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
14.	PERAK	<p>LEMBUT BISTARI SDN. BHD.</p> <p>98A, Kg. Bakap Baru Batu Satu, Jalan Tg.Tualang 31000 Batu Gajah Perak Darul Ridzuan</p> <p>No. Tel : 05-365 3831/ 012-4589149</p> <p>No. Faks: 05-365 3831</p> <p>E-mel : lembutbestari@gmail.com</p>	<p>CIMB Bank Berhad Cawangan Batu Gajah 20, Jalan Pejabat Pos 31000 Batu Gajah, Perak</p> <p>No. Akaun: 80-0485272-7</p>
15.	PERAK	<p>M.S ZABKI SDN. BHD.</p> <p>No.58, Jalan Besar 33600 Enggor, Karai Perak Darul Ridzuan</p> <p>No. Tel : 05-757 6062/ 012-5076598/ 012-553 8117</p> <p>No. Faks: 05-776 6460</p> <p>E-mel : azalina@mszabki.com</p>	<p>CIMB Bank Berhad Cawangan Kuala Kangsar 95, Pusat Komersial, Jalan Kangsar, K. Kangsar, Perak</p> <p>No.Akaun: 8004900850</p>
16.	PERAK	<p>SETIA MERANTI SDN. BHD.</p> <p>Lot 2, Kawasan Industri Perabot Negeri Perak, Jalan Lahat 31550 Pusing Perak Darul Ridzuan</p> <p>No. Tel : 019-555 7394/ 05-3233025</p> <p>No. Faks: 05-323 3125</p> <p>E-mel: setia.meranti@yahoo.com</p>	<p>Hong Leong Bank No.116, 116, 117 Jalan Besar 31450 Menglembu Ipoh, Perak</p> <p>No. Akaun: 06800005027</p>

**Nota: Senarai 76 Svarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

<b>ZON TENGAH</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
17.	SELANGOR	DPM SDN. BHD.  No.17 & 19, Jalan PJU 3/41 Sunway Damansara, Seksyen 12 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-7885 0864/65 No. Faks: 03-7885 0965 E-mel : dpm_bhd@yahoo.com	Malayan Banking Berhad Cawangan Giza Kota Damansara, B01& B02 Sunway Giza Mall No. 2, Jalan PJU 5/14 47810 Petaling Jaya, Selangor  No. Akaun: 562759108998
18.	SELANGOR	H.L. BROTHERS INDUSTRIES SDN. BHD.  Lot 1071, Jalan Rantau Panjang 42100 Klang Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-3291 7581 No. Faks: 03-3291 9548 E-mel : hlbisb@gmail.com	CIMB Bank Berhad Casa Klang GF-B, Casa Klang No.39, Blok A/KU 01 Jalan Meru 41050 Klang, Selangor  No. Akaun : 8001871598
19.	SELANGOR	ONE TECH (M) SDN. BHD. No. 1A, Jalan Wawasan 2/1 Bandar Baru Ampang 68000 Ampang Selangor Darul Ehsan  No. Tel : 03-4296 2004  No. Faks: 03-4296 2004 E-mel : <a href="mailto:sales@onetech.com.my">sales@onetech.com.my</a> huda@onetech.com.my	RHB Islamic Bank Berhad Unit No.19A-1-18, 19A-1-2, Level 1 UOA Centre, No.19 Jalan Pinang 50450 Kuala Lumpur  No. Akaun: 264124-00005522

**Nota: Senarai 76 Syarikat Di Bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) Perabot**

ZON TENGAH			
BIL	NEGERI	NAMA SYARIKAT	PERINCIAN BANK
20.	SELANGOR	PURPLESTAR INDUSTRIES SDN. BHD.  No.31, Jalan PP 11/4 Alam Perdana Industrial Park Taman Putra Perdana 47130 Puchong Selangor Darul Ehsan No. Tel : 012-704 8567 No. Faks: 03-8861 5454 E-mel : <a href="mailto:purplestar7818@gmail.com">purplestar7818@gmail.com</a> <a href="mailto:purplestar.ind@gmail.com">purplestar.ind@gmail.com</a>	Maybank Berhad (Cawangan Intan Millenium) Suite 1-01 (Level 1), Intan Millenium Square No. 68, Jalan Batai Laut 4 Taman Intan, 41300 Klang Selangor  No. Akaun: 562647303670
21.	WILAYAH PERSEKUTUAN (KL)	KERIS SEPAKAT SDN. BHD.  No.7, Tingkat 1, Jalan 4/4C, Desa Melawati (Fasa 5) 53100, Setapak Kuala Lumpur  No. Tel : 03-4149 2033 No. Faks: 03-4162 9333 E-mel : <a href="mailto:info@kerisepakat.com.my">info@kerisepakat.com.my</a>	RHB Bank Berhad No. B2-8 & B2-9, No. 63 Jalan Sri Hartamas 50480 Kuala Lumpur  No. Akaun: 21444-6000-29990
22.	WILAYAH PERSEKUTUAN (KL)	POINTRAY (MALAYSIA) SDN. BHD.  No. 6-2, Jalan 8/23E Taman Danau Kota 53100 Setapak Kuala Lumpur  No. Tel : 03-4142 0052/35 No. Faks: 03-4148 1720 E-mel : <a href="mailto:info.pointray@gmail.com">info.pointray@gmail.com</a> <a href="mailto:maziahmusa8@gmail.com">maziahmusa8@gmail.com</a>	Malayan Banking Berhad  No. Akaun: 5740 5718 8754

<b>ZON TENGAH</b>			
<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PERINCIAN BANK</b>
23.	PERAK	<p>JUSZJUNN EMPIRE SDN. BHD.</p> <p>Lot 3801, Jalan Kilang 8 Kawasan Perindustrian Ringan Tupai 34000 Taiping Perak Darul Ridzuan</p> <p>No. Tel : 05-805 3312/ 012-543 6176</p> <p>No. Faks: 05-805 3312</p> <p>E-mel : juszjunn.empire@gmail.com</p>	<p>Maybank Berhad 234, Jalan Chong Thye Phin 34000 Taiping, Perak</p> <p>No. Akaun: 508056217842</p>
24.	PERAK	<p>PAHARUDIN INDUSTRIES SDN. BHD.</p> <p>F-1, Kampong Melayu 36700 Langkap Perak Darul Ridzuan No. Tel : 05-659 7400 No. Faks: 05-659 7420</p> <p>E-mel : paharudin.industries@gmail.com</p>	<p>CIMB Bank Berhad Cawangan Langkap 3104C &amp; D, Jalan Kampar 36700 Langkap, Perak</p> <p>No. Akaun: 80-0498445-2</p>
